

Wakaf: Betapa hebatnya erti memberi

FOTO: IHSAN MAINS

berbeza dengan zakat yang mengehadkan penerimaanya pada kalangan orang Islam, wakaf memberi peluang kepada wakaf berkongsi fafat hartanya dengan sesiapa ahaja termasuk bukan Islam

PENZAHIRAN persaudaraan itu bukan semata-mata dalam bentuk pertolongan dari segi tenaga atau bantuan, malah Islam mengajar umatnya saling membantu dalam bentuk harta benda.

Bantuan dan pemberian ini bukan kerana mahukan sesuatu daripada manusia tetapi demi mengharapkan keredaan ALLAH SWT.

Justeru selain zakat yang diwajibkan ke atas setiap Muslim; hibah, infaq, sedekah dan wakaf amat digalakkan agar ummah

mempunyai saluran berkonjung harta kekayaan dengan orang lain.

Berwakaf adalah amalan sunat dan amat disukai ALLAH, bahkan lebih besar lagi ia menjadi mekanisme perkongsian kekayaan seseorang dengan mereka yang kurang mampu.

Dalam ekonomi, wujudnya golongan yang mengajih semula harta kekayaan kepada orang lain. Scenario ini sangat penting kerana ia boleh membantu mencapai pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Bagi menyebarkan lagi agenda berkaitan wakaf, buat jutung kalinya, Majlis Agama



USTAZ ZAINAL SAID



Kompleks As-Saadah menjadi alternatif di Negeri Sembilan dalam membentuk dan melahirkan saudara-saudara baru Muslim yang konsisten mendalamai ilmu agama Islam.

Islam Negeri Sembilan dengan kerjasama *Sinar Islam Plus (Si+)* telah menerbitkan program podcast *POV Si+* bermula 15 Julai lalu.

Menerusi episod pertama, sebuah pengisian yang sangat menarik telah diangkat iaitu *Wakaf: Hebatnya Erti Memberi*. Episod ini menampilkan dua panel yang tidak asing lagi dalam dunia dakwah, iaitu Ustaz Don Danyial Don Biyaqid selaku Duta Wakaf MAINS dan Ustaz Bukhari Sufian, Penolong Pengarah Jabatan Wakaf, MAINS. Editor Si+, Muhd Azman Mohd Nawi telah bertindak sebagai pengacara program.

Selagi harta beri manfaat

Mengapa berwakaf begitu penting sehingga ia perlu diwar-warkan kepada setiap genap lapisan masyarakat?

Setiausaha MAINS, Ustaz Zainal Said menjelaskan, amalan berwakaf menjanjikan pahala berterusan, selagi harta diwakafkan itu kekal dan memberi manfaat.

Dalam sebuah hadis masyhur yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda "Apabila seorang anak Adam mati putuslah amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain dan anak yang soleh yang berdoa untuknya." (Hadis Riwayat Muslim)

"Para ulama antaranya Imam an-Nawawi telah menafsirkan kalimah sedekah jariah dinyatakan dalam hadis ini sebagai amalan wakaf."

"Jelas, hanya amalan wakaf memiliki ciri sedekah yang sentiasa mengalir tanpa terhenti di tangan penerima sedekah sahaja," katanya kepada *Sinar Islam Plus*.

Begitu hebat berwakaf sehingga syariat Islam mengiktirafnya sebagai amalan yang amat digalakkan.

Apabila melibatkan perihal wakaf, kadang-kala menjengah di minda masyarakat adalah ia mempunyai had sempadan seperti zakat atau boleh dilakukan di mana-mana sahaja.

Menjawab persoalan itu, Ustaz Zainal menyatakan bahawa berwakaf tidak sama dengan zakat kerana zakat mempunyai had sempadan negeri manakala wakaf pula tiada

ANEKDOT

Perkhidmatan Wakaf dan Mal di MAINS

1. Wakaf Tunai (Am/Khas)

Sumbangan dana wakaf akan disalurkan kepada beberapa sektor utama iaitu pendidikan, kesihatan, sosioekonomi dan perkerbangan harta bagi tujuan perkembangan supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

2. Potongan Wakaf Berjadual

Sumbangan dan wakaf yang dikumpulkan melalui kaedah potongan gaji daripada kakitangan kerajaan dan swasta secara bulanan.

3. Wakaf Harta

Terdapat dua jenis harta yang boleh diwakafkan

1. Harta alih: Peralatan kesihatan, peralatan masjid dan al-Quran

2. Harta tak alih: Tanah, rumah, bangunan

had sempadannya.

"Tidak kira kita berada di mana, boleh sahaja berwakaf, hukumnya masih sah dan tiada had sempadan," jelasnya.

Ujar beliau, banyak saluran yang boleh diguna untuk terus bersedekah dan berwakaf.

"Pelbagai kaedah boleh diguna pakai oleh mereka yang ingin terus menerus berinfaq."

"Bagi pihak MAINS sendiri, terdapat empat cara yang disediakan untuk berwakaf, iaitu pertama adalah boleh hadir sendiri ke mana-mana pejabat MAINS atau membuat temu janji. Kedua adalah dengan menghubungi talian hotline MAINS 013-7743662.

"Kaedah ketiga, melalui pemotongan gaji bulanan hanya serendah RM5 secara automotif. Manakala cara terakhir adalah wakaf melalui online banking dengan melayari www.MAINs.gov.my," ungkapnya.

PUSAT
Waqaf
MAINs
SenawangBANGAN
wakaf
kan bagi
kapan
rubutan
oudahan
lapisan
syarak